




KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA  
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN  
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62592 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8000 8000  
Faks : 03-8882 3893  
: 03-8882 3894  
Web : www.treasury.gov.my

KK/BPA/WAI 10/173/291 Jld.3( | )



**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PENGURUSAN LAPORAN KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA WANG AWAM**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Perbendaharaan telah membuat semakan ke atas Laporan Akhir (Lampiran K) bagi kes-kes kehilangan wang awam melibatkan syor surc妖. Kesimpulannya, penambahbaikan perlu dilaksana bagi mengatasi beberapa kelemahan dalam pengurusan siasatan oleh Jawatankuasa Penyiasat yang ditubuhkan.
3. Laporan Akhir perlu dimantap bagi memastikan hasil siasatan yang telus dan syor surc妖/tataterrib yang lengkap supaya tindakan diambil terhadap pegawai/kakitangan yang benar-benar bertanggungjawab ke atas kehilangan wang awam.
4. Untuk tujuan tersebut, pihak Kementerian/Jabatan dan Jawatankuasa Penyiasat diminta mengambil perhatian dan melaksana perkara-perkara berikut:

- i. Menjalankan siasatan secara menyeluruh bagi mengenalpasti punca dan pegawai yang bertanggungjawab ke atas kehilangan wang awam sebagaimana langkah/turutan yang telah ditetapkan [rujuk 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) WP10.3, perenggan 4.1.1.3 (d)];
- ii. Merekodkan secara bertulis semua maklumat/keterangan daripada pegawai yang ditemubual dan ditandatangani oleh pegawai yang ditemubual dan penemubual;
- iii. Syor surc妖/tataterrib hendaklah disokong dengan justifikasi yang kukuh dan dapat dibuktikan bahawa pegawai terlibat sama ada telah cuai atau dengan sengaja telah menyebabkan kehilangan wang awam mengikut format berikut:

Nama/ Jawatan Pegawai	Peranan/Tugas	Kesalahan yang dilakukan/Pelanggaran Tatacara Kewangan	Justifikasi Disyorkan Surc妖/Tataterrib

10/2016 (cepa),  
Selan.

PSUK(K) K,  
Brud edaran.

✓ 17/03/16

AM  
25/3

PPTY (K) K,  
mohon edaran  
Jabatan/agensi/Blgn.  
25/3

- iv. Kementerian/Jabatan perlu terlebih dahulu mendapatkan ulasan dan pandangan Bahagian Undang-Undang masing-masing terhadap sebarang syor surcaj sebelum dikemukakan kepada Perbendaharaan.
4. Selain itu, Ketua Jabatan atau pegawai berkaitan hendaklah melaporkan kepada pihak polis dalam tempoh 24 jam, jika terdapat alasan mempercayai bahawa sesuatu kesalahan jenayah telah dilakukan berhubung dengan kehilangan wang awam tersebut. [Arahan Perbendaharaan (AP) 315 (a) dan 1PP WP10.3, perenggan 4.1.1.1 (a)].
5. Diharapkan tindakan/penyataan dalam laporan aduan lengkap dan menjurus kepada tindakan pendakwaan boleh diambil kepada pegawai-pegawai yang telah melakukan kesalahan jenayah. Jika tidak, pihak Polis mungkin terpaksa mengklasifikasikan kes yang dilaporkan sebagai *No Further Action (NFA)* atau rujuk jabatan lain.
6. Sehubungan itu, pihak Kementerian diingatkan supaya menguruskan kes-kes kehilangan dan hapus kira dengan lebih baik bagi menjamin kepentingan Kerajaan serta memastikan pegawai yang bertanggungjawab dikenakan tindakan sewajarnya ke atas kesalahan yang dilakukan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



(ROMLI BIN DAI)

Setiausaha Bahagian Pengurusan Aset Awam  
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan

☎ : 03-8882 6666  
📠 : 03-8882 3869  
✉ : romli.dai@treasury.gov.my